

Snatch Medz+ Group Personal Accident

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk ini bertujuan untuk memberikan beberapa maklumat penting tentang insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan lain telah membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **oleh itu, kami menggalakkan anda untuk membacanya juga.**

Tarikh: 13/03/2026

1 Apakah Snatch Medz+ Group Personal Accident?

Snatch Medz+ Group Personal Accident ialah insurans kemalangan diri komprehensif yang menyediakan perlindungan insurans 24 jam seluruh dunia untuk kematian dan kecederaan tubuh disebabkan oleh kemalangan.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai gambaran, untuk jumlah **RM 380.00** setiap tahun, anda akan menerima **perlindungan** seperti berikut:

Polisi ini meliputi:	Polisi ini tidak termasuk :
<ul style="list-style-type: none"> • Kematian/ Kehilangan Upaya Kekal – RM 300,000 • Indemniti Berganda (disebabkan Kecurian Ragut) – RM 600,000 • Bonus Pembaharuan Tiada Tuntutan – 10% setiap tahun sehingga 50% • Perbelanjaan Perubatan – RM 5,000 <li style="padding-left: 20px;">a. Rawatan Perubatan Alternatif (tertakluk pada Had Perbelanjaan Perubatan) – RM 500 • Pendapatan Hospital Harian – RM 110 • Kecurian Ragut – RM 3,000 <li style="padding-left: 20px;">a. Kehilangan Wang Tunai Yang Dikeluarkan dari Mesin Juruwang Automatik (ATM) – tertakluk pada Had Kecurian Ragut <li style="padding-left: 20px;">b. Kehilangan atau Kerosakan Barangan Peribadi – tertakluk pada Had Kecurian Ragut <li style="padding-left: 20px;">c. Transaksi Tanpa Kebenaran eWallet Touch 'n Go dan/atau Akaun Bank – tertakluk pada Had Kecurian Ragut • Elaun Perkabungan – RM 10,000 • Perlindungan Pinjaman Kenderaan akibat Kematian – RM 30,000 • Kesulitan Perjalanan Domestik – RM 2,000 <li style="padding-left: 20px;">a. Pemendekan Perjalanan – tertakluk pada Had Kesulitan Perjalanan Domestik <li style="padding-left: 20px;">b. Kehilangan Deposit atau Pembatalan – tertakluk pada Had Kesulitan Perjalanan Domestik 	<ul style="list-style-type: none"> • Risiko berkaitan perang • Bunuh diri atau percubaan bunuh diri • Kecederaan yang disengajakan • Sukan/Aktiviti Ekstrim • Keadaan perubatan sedia ada • Kecacatan mental • Pengaruh alkohol atau dadah
Tempoh perlindungan adalah untuk satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui polisi anda setiap tahun.	

Nota:

- a. Sila imbas kod QR di bawah untuk senarai penuh perlindungan dan pengecualian.
- b. Anda dinasihatkan mengambil perhatian tentang skala manfaat untuk kematian dan kehilangan upaya dalam polisi insurans anda.
- c. Manfaat yang perlu dibayar di bawah Polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Berjaya Sampo Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).
- d. Anda mesti melantik sekurang-kurangnya seorang (1) penama dan memastikan bahawa penama anda mengetahui tentang polisi Insurans Kemalangan Diri yang telah dibeli oleh anda.
- e. Anda harus membaca dan memahami polisi insurans dan menghubungi ejen atau pihak kami untuk menjelaskan sebarang keraguan sebelum membeli Polisi ini. Anda harus berpuas hati bahawa Polisi ini akan memenuhi keperluan anda sepenuhnya.
- f. Anda harus memberitahu pihak kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat hubungan/peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memaklukkannya kepada cawangan atau Pusat Khidmat Pelanggan kami.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan tentang insurans kemalangan diri anda, anda boleh:



Hubungi Khidmat Pelanggan kami
 Dalam Malaysia (Talian Bebas Tol):
 1-800-889-933
 Luar Negara: +603-2170 7300



Hantar e-mel kepada kami di:
customer@bsompo.com.my



Imbas Kod QR di atas

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk polisi insurans kemalangan diri ini, anda mesti membayar premium seperti berikut:	
Pelan Standard – Pelan 3	RM 380.00 (setahun)
Jumlah premium yang anda mesti bayar ialah RM 380.00	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	RM 10.00 (layak mendapat pengecualian sehingga 31 Disember 2028 dengan syarat pemegang polisi adalah seorang individu, di mana premium kasar adalah tidak melebihi RM150; atau sebuah perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang telah mengemukakan sijil PMKS yang sah, di mana premium kasar adalah tidak melebihi RM250)
Komisen	25% daripada premium atau RM 95.00
Caj lain yang berkenaan (cukai perkhidmatan)	8% daripada premium atau RM 30.40

Nota: Jumlah premium yang perlu dibayar mungkin berbeza bergantung pada pilihan pelan anda dan keperluan pengunderaitan kami. Kadar premium adalah tertakluk kepada perubahan semasa pembaharuan, ia berbeza bergantung pada pengalaman tuntutan anda.

4 Terma Utama Lain

Kewajipan Pendedahan

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan.
- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti pekerjaan dan minat peribadi anda.
- Kegagalan untuk mendedahkan atau memberikan maklumat yang lengkap dan tepat mungkin mengakibatkan tuntutan anda ditolak atau Polisi anda dibatalkan.

Perubahan Risiko

- Jika terdapat apa-apa perubahan yang mengubah secara material sebarang fakta yang wujud pada tarikh cadangan, anda hendaklah memberi notis secara bertulis kepada kami dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perubahan tersebut, dan membayar premium tambahan jika diperlukan.

Pembayaran Sebelum Perlindungan Berkuatkuasa

- Premium mesti dibayar sepenuhnya sebelum tarikh kuat kuasa Polisi.

Pembayaran Premium

- Pembayaran boleh dibuat secara Kad Debit, Kad Kredit atau Pembayaran Dalam Talian (yang mana berkenaan) kepada Berjaya Sompo Insurance Berhad. Sila simpan resit premium yang telah dibayar sebagai bukti pembayaran untuk rujukan masa hadapan.

Prosedur Tuntutan

- Notis bertulis mesti diberikan kepada kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian. Anda boleh mengemukakan tuntutan anda dengan menghantar e-mel ke customer@bsompo.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan kami di seluruh negara.
- Hanya Kematian atau Kehilangan Upaya Kekal akan dibayar jika anda tinggal atau melancong di luar Malaysia, Singapura, Brunei dan Thailand untuk lebih sembilan puluh (90) hari berturut-turut.
- Jika anda telah membeli beberapa polisi kemalangan diri, kerugian tertentu seperti perbelanjaan perubatan akan dibayar atas dasar pembayaran balik. Anda hanya akan dibayar sekali untuk kerugian sebenar yang dialami.

Pekerjaan Berbahaya

- Polisi ini tidak melindungi Pekerjaan Berbahaya berikut, apabila Anda sedang bertugas sewaktu kejadian boleh dituntut berlaku.

a. Operasi perkhidmatan Tentera Laut, Tentera atau Tentera Udara	e. Polis / Polis Trafik
b. Krew Udara	f. Joki
c. Ahli Sukan Profesional	g. Bomba
d. Krew Kapal dan Penyelam Profesional	h. Pekerja Limbungan

Kelayakan

- Polisi ini melindungi semua rakyat Malaysia, Pemastautin Tetap, Pemegang Pas Pelajar atau Pemegang Pas Pekerjaan/Pemegang Permit Kerja yang bekerja secara sah di Malaysia dan berumur antara enam belas (16) hingga tujuh puluh (70) tahun.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Ya, anda boleh membatalkan Polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, kami akan mengekalkan premium minimum sebanyak RM60, dan mengembalikan premium secara prorata kepada anda. Walau bagaimanapun, premium tidak akan dibayar balik jika tuntutan telah dibayar atau dikemukakan kepada kami semasa tempoh Polisi.

Adakah jenis produk Insurans Am lain yang disediakan?

Snatch Guard Plus dan Shield Plus. Sila layari www.cimb.com.my untuk maklumat lanjut.

Berjaya Sompo Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.